

SURAH MANUSIA



Surah: 76 Juzuk: 29 Bil. Ayat: 31

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,
lagi Maha Mengasihani.

1. Bukankah telah datang kepada manusia satu waktu daripada masa (yang beredar), sedangkan dia (masih belum wujud lagi, dan) tidak menjadi sesuatu yang disebut-sebut?
2. Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia daripada air mani yang bercampur⁽¹⁾ yang Kami hendak mengujinya (dengan larangan dan perintah), kerana itu Kami jadikan dia mendengar dan melihat.
3. Sesungguhnya Kami telah menunjukkan kepadanya jalan (yang benar dan yang salah) sama ada dia bersyukur (dengan beriman dan taat), ataupun menjadi kufur.
4. Sesungguhnya Kami telah menyediakan bagi orang yang kafir rantai-rantai dan belenggu serta neraka yang marak menjulang.
5. Sesungguhnya orang yang melakukan kebaikan akan minum daripada gelas (berisi minuman) yang campurannya adalah air kafur.⁽²⁾

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

هَلْ أَقَى عَلَى الْإِنْسَنِ جِنْ وَمَنْ أَنَّ اللَّهَ لِيَرَكُنْ شَيْئًا
مَذَكُورًا ﴿١﴾

إِنَّا خَلَقْنَا الْإِنْسَنَ مِنْ نُطْفَةٍ فَمَشَّاجِنَتْكِيلِيهِ
فَعَلَّمْنَاهُ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٢﴾

إِنَّا هَدَيْنَاهُ السَّبِيلَ إِمَّا شَاكِرٌ وَإِمَّا كَافُورًا ﴿٣﴾

إِنَّا أَعْتَدْنَا لِلْكَفَرِينَ سَلَاسِلًا وَغَلَالًا وَسَعِيرًا ﴿٤﴾

إِنَّ الْأَجْرَ إِشْرُونَ مِنْ كَاسٍ كَانَ مِنْ جِهَةِ كَافُورًا ﴿٥﴾

1 Bercampur antara benih lelaki dan perempuan.

2 Kafur ialah nama mata air di dalam syurga, airnya putih dan baunya sedap serta enak rasanya.

6. Iaitu sebuah mata air (di syurga), yang diminum oleh hamba-hamba Allah (yang taat). Mereka dapat mengalirkannya (mata air) dengan sebaik-baiknya.
7. Mereka menyempurnakan nazar dan mereka takutkan hari akhirat yang azabnya merata di mana-mana.
8. Mereka juga memberikan makanan yang disukainya kepada orang miskin dan anak yatim serta orang tawanan.
9. (Sambil berkata): «Kami memberikan makanan kepada kamu hanyalah kerana Allah, kami tidak mengharapkan balasan dan ucapan terima kasih daripada kamu.
10. «Sesungguhnya kami takut akan (azab) Tuhan kami pada hari (ketika) orang yang bersalah berwajah masam penuh dengan kesulitan».
11. Maka Allah melindungi mereka daripada kesusahan pada hari itu dan memberikan kepada mereka keceriaan dan kegembiraan.
12. Dia memberikan ganjaran kepada mereka kerana kesabaran mereka (mengerjakan perintahNya dan meninggalkan laranganNya) dengan syurga dan (pakaian daripada) sutera.

عَيْنَاتِ اَشَرُّ بِهَا عَبَادُ اللَّهِ يُفْجِرُ وَهَا فَجِيرًا ﴿١﴾

يُؤْهِنُ بِالنَّدَرِ وَمَاهُونُ بِوَمَاكَانَ شَرُّهُ مُسْطَطِيرًا ﴿٧﴾

وَيُطْعِمُونَ الظَّعَامَ عَلَى حُدُودِ مُسِكِنَاتِهِنَّا وَتَيْمَاتِهِنَّا
وَأَسِيرًا ﴿٨﴾

إِنَّمَا تُطْعِمُهُمْ رَوْحَةً اللَّهِ لَا تُنْدِدُ مِنْ كُلِّ جَرَاءٍ وَلَا
شُورًا ﴿٩﴾

إِنَّا نَخَافُ مِنْ رَبِّنَا يَوْمًا عَبُوسًا قَاطِرِيًّا ﴿١٠﴾

وَقَدْ نَهَرُ اللَّهُ شَرَذَلَكَ أَلْيَوْهَ وَلَقَهُمْ بَضَرَّةٌ
وَسُرُورًا ﴿١١﴾

وَجَزَّهُمْ بِمَا صَبَرُوا لِجَنَّةٍ وَحَرِيرًا ﴿١٢﴾

13. Di sana mereka bersandar di atas pelamin-pelamin (yang berhias), di sana mereka tidak melihat (teriknya) matahari dan tidak juga merasai dingin yang berlebihan.
14. Dan naungan (pepohon) syurga itu dekat kepada mereka dan buah-buahannya pula mudah untuk dipetik.
15. Dan kepada mereka diedarkan bejana-bejana daripada perak dan gelas-gelas minuman yang jernih laksana kristal.
16. Kristal yang jernih diperbuat daripada perak, mereka menentukan ukuran yang sesuai (dengan kehendak mereka).
17. Dan di dalam (syurga) itu mereka diberi sejenis minuman yang campurannya daripada «zanjabil».
18. (Yang didatangkan dari) sebuah mata air (di syurga) yang dinamakan Salsabil.
19. Dan mereka dikelilingi oleh pelayan-pelayan muda lelaki yang kekal mudanya. Apabila engkau memerhatikan mereka, nescaya engkau menyangka mereka mutiara yang bertaburan.
20. Dan apabila engkau perhatikan di sana (di dalam syurga itu), nescaya engkau akan melihat nikmat yang melimpah dan kerajaan yang besar.

مُشَكِّنَ فِيهَا عَلَى الْأَرَأْيَكَ لَا يَرَوْنَ فِيهَا أَسْمَاسًا
وَلَا زَمْهَرِيرًا ﴿١٣﴾

وَدَانِيَةً عَلَيْهِمْ ظَلَالُهَا وَذُلْلَتْ قُطُوفُهَا تَدَلِّلًا ﴿١٤﴾

وَيُطَافُ عَلَيْهِمْ بَانِيَةً مِنْ فِضَّةٍ وَأَلْوَابٌ كَانَتْ
قَوَارِيرًا ﴿١٥﴾

قَوَارِيرًا مِنْ فِضَّةٍ قَرْوَاهَا تَقْدِيرًا ﴿١٦﴾

وَيُسْقَوْنَ فِيهَا كَأسًا كَانَ مَرْجُهَا تَنْجِيلًا ﴿١٧﴾

عَيْنَاتِهَا سُمَّى سَاسِيَّلًا ﴿١٨﴾

* وَيُطَلُّفُ عَلَيْهِمْ وَلِدُونْ تُخَلَّدُونْ إِذَا رَأَيْتُهُمْ
حَسِبَتْهُمْ لُؤْلُؤًا مَنْثُرًا ﴿١٩﴾

وَإِذَا رَأَيْتَهُمْ فَرَأَيْتَ نَعِيْمًا وَمُلْكًا كَيْرًا ﴿٢٠﴾

21. Mereka berpakaian sutera hijau yang halus dan sutera tebal, serta memakai gelang tangan yang diperbuat daripada perak dan Tuhan memberikan mereka minuman yang bersih.
22. «(Segala pemberian) ini adalah ganjaran untuk kamu, dan segala usaha kamu (di dunia dahulu) disyukuri (oleh Allah)».
23. Sesungguhnya Kami telah menurunkan al-Quran kepadamu (wahai Muhammad) secara beransur-ansur.
24. Maka bersabarlah untuk melaksanakan ketetapan Tuhanmu (memberi tempoh kepada golongan yang menentangmu), dan janganlah engkau ikuti kehendak orang yang berdosa atau orang yang kafir di antara mereka.
25. Dan sebutlah nama Tuhanmu (di dalam dan di luar solat), pada waktu pagi dan petang.
26. Dan pada sebahagian daripada waktu malam, bersujudlah kepadaNya dan bertasbihlah memujiNya pada sebahagian yang panjang daripada waktu malam.
27. Sesungguhnya mereka (yang menentangmu) itu sentiasa mencintai (kesenangan dan kemewahan dunia) yang sementara serta mereka

عَلَيْهِمْ شَيْبُ سُنْدِينْ حُضُورٌ وَاسْتَبْرِقُ وَلُؤْلُؤٌ
أَسَاوِرٌ مِنْ فَضَّةٍ وَسَعْنَاهُمْ رَبُّهُمْ شَرَابٌ طَهُورًا ٦٦

إِنَّ هَذَا كَانَ لِكُوْجَرَاءَ وَكَانَ سَعْيُكُمْ مَشْكُورًا ٦٧

إِنَّا أَخْبَرْنَاكُمْ بِرَبِّنَا عَلَيْكَ الْفُرْقَانَ تَزَيَّنَا ٦٨

فَاصْبِرْ لِحُكْمِ رِبِّكَ وَلَا تُطْعِمْ مِنْهُمْ إِثْمًا أَوْ
كَفُورًا ٦٩

وَأَذْكُرْ أَسْمَرِيْكَ بَكْرَةَ وَأَصْبِلَا ٧٠

وَمَنْ أَلِيلٌ فَأَسْجُدْ لَهُ وَسَبِّحْ لَهُ لَيْلًا
طَوِيلًا ٧١

إِنَّ هَذَوْلَةَ يُجْمُونَ الْعَاجِلَةَ وَيَذْرُونَ وَرَاءَهُمْ
بَوْمَاقِيلَا ٧٢

membelakangkan (tidak menghiraukan bekalan) untuk hari akhirat yang amat berat (penderitaannya).

- 28.** Kamilah yang menciptakan mereka serta menguatkan tulang sendi dan urat saraf mereka. (Kami berkuasa membinasakan mereka) dan apabila Kami kehendaki, Kami gantikan (mereka dengan) orang yang serupa dengan mereka dengan penggantian yang sebaik-baiknya.
- 29.** Sesungguhnya (segala keterangan yang disebutkan) ini adalah suatu peringatan. Maka sesiapa yang mahukan (kebaikan dirinya) tentu dia mengambil jalan menuju kepada keredaan Allah (dengan iman dan taat).
- 30.** Kamu tidak mampu (melakukan sesuatu perkara) kecuali apabila dikehendaki Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.
- 31.** Dia memasukkan sesiapa yang Dia kehendaki ke dalam rahmatNya (syurga). Bagi orang yang zalim, Dia menyediakan bagi mereka azab yang sangat pedih.

نَحْنُ خَلَقْنَاهُ وَشَدَّدْنَا أَسْرَهُ فَإِذَا شِئْنَا
بَدَّلْنَا آمْثَلَهُمْ تَبَدِيلًا ﴿٢٩﴾

إِنَّ هَذِهِ تَنْذِيرَةٌ فَمَنْ شَاءَ اتَّخَذَ إِلَيَّ رَبِّهِ
سَبِيلًا ﴿٣٠﴾

وَمَا تَشَاءُونَ إِلَّا أَنْ يَشَاءُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ كَانَ
عَلَيْمًا حَكِيمًا ﴿٣١﴾

يُدْخِلُ مَنْ يَشَاءُ فِي رَحْمَتِهِ وَالظَّالِمُونَ
أَعْدَدْلَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿٣٢﴾